

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tumpat atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan terutamanya dalam isu keselamatan yang melibatkan tuntutan bertindih daripada beberapa buah negara iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam, Filipina dan China.

3. Bagi memastikan kepentingan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara, langkah-langkah yang sewajarnya sentiasa diambil termasuklah mengadakan rondaan dan pengawasan serta aktiviti-aktiviti Penguatkuasaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan beberapa buah negara merupakan suatu isu yang kompleks dan akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai penyelesaian.

5. Sehubungan itu, bagi memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan dapat dipelihara, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut

China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

2. Melalui DOC, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina kesalingpercayaan dan menangani sebarang perbezaan pandangan bagi mengelakkan berlakunya konflik di Laut China Selatan. Secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa DOC telah berjaya mengekalkan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan.

3. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN dan China mesti sentiasa berpegang kepada prinsip dan semangat *DOC* serta terus mengekalkan momentum positif di dalam melaksanakan usaha-usaha yang sewajarnya bagi memastikan dan mengekalkan keamanan di Laut China Selatan, termasuklah merealisasikan pengwujudan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*.

Sekian, terima kasih.